

Peranan Anggota Perubatan dan Paramedik di dalam Dakwah

Oleh: Dr Zakuan Zainy Deris

Naib Presiden PAPISMA

azam99kk@yahoo.com

1. Pengenalan

Selain daripada bidang pendidikan, bidang perubatan dan kesihatan merupakan medan dakwah yang paling utama. Perkara ini boleh dilihat dalam strategi penjajah apabila menakluki sesebuah Negara. Mereka langsung akan membuka sekolah-sekolah beridentitikan agama mereka. Mereka juga membuka hospital-hospital dan klinik kebajikan untuk orang-orang yang lemah dan miskin. Kesan-kesan ini masih boleh dilihat sekarang ini. Wujudnya sekolah-sekolah *La Salle, King George, Stella Maris, St. , Victoria* dan sebagainya serta corak pakaian seragam dan pergaulan yang diambil secara langsung daripada budaya mereka. Hanya di akhir tahun 80an barulah corak pakaian seragam yang menutup aurat dibenarkan termasuk juga di sekolah kebangsaan biasa.



Bidang perubatan dan kesihatan juga tidak ketinggalan. Sistem jururawat contohnya terlalu sukar untuk diubah kerana ianya menggunakan asas penjajah. Pakaian menutup aurat dikalangan jururawat baru diperkenalkan akhir tahun 1990an. Di samping itu hospital-hospital *missionary* masih wujud secara langsung contohnya Hospital *Mount Miriam* yang merawat pesakit kanser diakhir nazaknya. Terdapat sesetengah fakulti perubatan luar Negara yang secara langsung menekankan tentang adab-adab dan budaya kristian didalam silibus pelajarannya.

Ini belum lagi dilihat kepada perubatan traditional dan alternative. Bidang-bidang ini yang berhadapan dengan tidak sedikit orang-orang sakit juga sebahagiannya mempunyai latar belakang dakwah dan agama. Lihatlah bagaimana sesetengah sami budha juga turut dikenali sebagai dukun atau sami hindu yang terkenal dengan keajaiban tersendiri.

Ini semua adalah persaingan dalam dakwah yang memerlukan bukan sedikit tenaga and usaha daripada ahli perubatan dan paramedik muslim. Tetapi yang lebih penting daripada itu adalah kesedaran dan perancangan daripada dai' tersebut. Sudah tentulah persaingan untuk memenangi hati manusia ini tidak boleh dihadapi dengan kekerasan dan senjata tetapi mestilah dihadapi dengan psikologi dan lemah-lembut.

Di sinilah kita menekankan *dakwah bil hubbi* bukannya *dakwah bil harbi*. Iaitu dakwah dengan cinta bukannya peperangan.

2. Kelebihan Anggota Perubatan dan Paramedik

a. Kelebihan anggota perubatan dan paramedik

Anggota perubatan terutamanya doktor-doktor sudah tentulah mempelajari asas-asas kaunseling, perhubungan interpersonal, kemahiran perhubungan dan sebagainya, menambahkan lagi kemahiran-kemahiran dakwah yang ada padanya.

Kebanyakan anggota perubatan dan para medik juga dalam kategori dianugerahkan oleh Allah dengan akal yang baik. Sudah tentulah dia boleh berfikir, mencari alternatif dan

berhujah dengan pesakitnya sebagaimana dia boleh berhujah mempertahankan rawatan pesakitnya itu.

b. Keadaan pesakit

Anggota perubatan dan paramedik biasanya didatangi oleh mad'u mereka yang berupa pesakit-pesakit. Ini sudah tentu merupakan keuntungan yang sangat jelas berbanding dengan dengan lain-lain pendakwah kerana mereka yang lain itu terpaksa mencari mad'u sedangkan bagi doktor dan anggota paramedik, mad'u lah yang mencari mereka.

Keadaan pesakit yang memberikan sepenuhnya kepercayaan kepada doktor tersebut untuk memberikan rawatan fizikal yang dihadapinya sehinggakan dia membuang sama-sekali perbezaan antaranya dengan perawat yang memberikan perkhidmatan itu. Tidak ada lagi perbezaan agama dan

warna kulit. Tiada lagi perbezaan fahaman dan parti politik. Tiada lagi perbezaan kasta dan makanan. Semuanya itu dibuang demi untuk mendapatkan rawatan yang terbaik.

Perkenalan yang singkat dengan perawat tersebut seolah-olah telah lama dikenalnya sehingga dia sanggup memberitahu segala rahsia yang disimpan selama ini walaupun kepada anak dan isterinya sendiri. Segala rahsia didedahkan kepada orang yang baru dikenalnya yang bergelar doktor tersebut. Segala masalah diceritakan satu persatu agar tuan doktor memberikan rawatan terbaik. Bahkan terkadang sekiranya dia silap memberikan maklumat ditelefon semula doktor tersebut untuk memberikan maklumat yang betul

c. Keluarga pesakit

Keluarga pesakit sangat mengharapkan bantuan perawat keluarganya itu. Diberikan sepenuh kepercayaan. Diikut semua nasihat doktor tersebut tanpa mempertikaikan sedikitpun walaupun kadang-kadang nasihat doktor tersebut menjejaskan nafsu sipesakit itu. Kadang-kadang juga nasihat yang diberikan tidak berapa dapat diterima akal oleh orang awam tersebut. Tetapi demi memberikan kepercayaan kepada si doktor serta demi orang yang tersayang itu sembuh daripada penyakitnya, maka diikut juga nasihat doktor tersebut

Jadi semua prasarana untuk dakwah sangat terbuka dan sangat lumayan. Jadi amat malang sekiranya doktor tersebut masih belum mampu untuk berkongsi kebenaran agama kita, nasihat dan kefahaman kita dengan mereka semua pada waktu emas ini. Rugilah sekiranya kesempatan yang terakhir bagi sesetengah pesakit ini tidak diambil dan membiarkan mereka meninggalkan alam yang fana' ini dengan dosa serta maksiat atau engkar kepada penciptanya. Adakah kita tidak bersedih sekiranya pesakit menemui penciptanya sedemikian kerana keengkarannya doktor itu berdakwah.



Proses membantu mesti dilakukan secara ikhlas

3. Merancang Dakwah
a. Menuntut ilmu
i. Usrah

Usrah merupakan medan yang sangat mesra doktor dan anggota paramedik untuk mencari ilmu, latihan berhujah serta bertukar pandangan. Dari sudut pengurusan masa, sudah tentu masa berusrah dan hasil yang diperolehinya adalah sangat efektif berbanding dengan kaedah pencarian dan praktikal ilmu lainnya. Ilmu yang dibincangkan seharusnya meliputi asas-asas aqidah, perbandingan sains dan kitab, *fiqh* perubatan dan isu semasa perubatan.

Anggota perubatan dan doktor biasanya sudah terdedah dengan kumpulan perbincangan akademik. Jadi inilah medan yang hamper sama dengan *group discussion* itu. Bukannya satu perkara yang asing bagi mereka untuk membuat kerja rumah, membuat kerta kerja, mengemukakan pandangan, menjawab pandangan balas, bertolak ansur: semuanya ini ditekankan dalam usrah. Tinggal lagi usrah lebih terkedepan dari *group discussion* dari sudut keprihatinan kepada ahli, budaya tegur menegur dan nasihat menasihati, berkongsi maklumat dan *privacy* dan lain-lain kerana perhubungan usrah itu diasaskan kepada tunjang aqidah yang sah.

Sabda Rasulullah SAW: *Tiga golongan sekiranya kamu memilikinya, nescaya kamu mendapat kemanisan iman; iaitu kamu mencitai Allah dan Rasul lebih daripada segalanya, kamu tidak mencitai orang lain melainkan kerana Allah dan rasul serta kamu benci kemabali kepada kekufuran sebagai mana kamu benci dicampakkan ke dalam api neraka.*

- ii. Program Perbandingan agama dan budaya

Anggota perubatan dan paramedik seharusnya dibekalkan dengan ilmu perbandingan agama dan budaya. Ini merupakan asset yang penting baginya untuk memelihara sensitivity pesakitnya dalam hal yang dibenarkan. Juga terlebih penting daripada itu adalah baginya memahami kenapa pesakitnya belum lagi Islam sedangkan kebenaran itu sudah jelas.

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ
بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنِ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى
لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barang siapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (Al Baqarah 256)

Dia juga seharusnya belajar untuk memulakan dialog agama dengan pesakitnya yang sebahagian besar sangat kosong rohaninya itu. Peluang inilah digunakan untuk memberitahu tentang agama Islam kepada mereka dan membiarkan mereka membuat penilaian. Konsep kehidupan selepas mati dalam islam perlu diterangkan dan pada masa yang sama kita memahami perbezaan dengan agama lain.

Keseuaian Islam dengan sains moden juga merupakan asset yang besar bagi kita kemukakan kepada mad'u kita bagi membuktikan kebenaran Islam yang kita cintai ini.

iii. Program ilmiah lain

Menjadi satu kelebihan sekiranya anggota perubatan mampu untuk meluangkan sedikit masa bagi mempelajari sebahagian daripada cabang ilmu agama yang khusus yang boleh digunakan dalam kehidupan sehariannya. Tetapi harus diingat bahawa mereka bukanlah akan menggantikan tempat-tempat ustaz-ustazah atau selainnya dalam perkara khusus ini. Biarlah ustaz dan ustazah berpenanan dalam bidang mereka dan anggota perubatan menambah ilmu dalam bidang ini sebagai melengkapkan sebagai seorang doktor daie' yang fakih.

Satu hal lagi, harus dielakkan daripada menjadi kelompok yang digelar oleh Syiekh Yusof al Qaradhawi sebagai ahli kalam moden iaitu mereka yang gemar berbahas dalil-dalil dan nas dalam perkara yang ada khilaf atau kelonggarannya sampai membebankan dirinya sendiri. Ini juga boleh menyebabkan kerja besar dakwah yang terganggu serta terhenti kerana perbahasan yang tidak kunjung selesai itu. Mereka tidak mahu orang awam mengikut mana-mana mazhab tetapi merekalah yang membina mazhab yang kelima. Mereka mahu mengikut aliran salaf, tetapi sebenarnya merekalah yang meminggirkan budaya salaf yang hormat menghormati dan berlapang dada dalam berbeza pandangan. Mereka anti kepada taqlid kepada imam muktabar tetapi merekalah yang gemar orang bertaklid dan mengikut ketua mereka. Mereka anti kepada jemaah centric tetapi sebenarnya mereka mengagungkan individu (ana-centric). Mereka mengatakan ahli jemaah meletakkan status maksum dan tidak boleh dikomen kepada jamaah tetapi sebenarnya mereka sangat menyanjungi pemimpin mereka dan sanggup mempertahankan pemimpin mereka walaupun pemimpin itu silap atau tersasul.



*Syaikh Yusof
Qaradhawi, ulama masa
kini*

b. Dakwah dengan sikap dan tingkahlaku

Dakwah bil hal merupakan satu kaedah yang sangat penting. Menunjukkan contoh teladan yang baik merupakan satu prinsip dakwah oleh Rasulullah SAW.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو
اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah. (Al Ahzab 21)

Dalam hal ini seharusnya anggota perubatan yang faham Islam menunjukkan contoh teladan yang baik. Dari segi gerak kerjanya; dia seorang yang sangat cemerlang dari segi ilmu dan kemahirannya; dari segi masa bertugas, dia boleh hadir membantu pesakit

walaupun bukan pada masa on call; dia juga sangat terbuka dengan kritikan; dari segi amal ibadatnya, dia sentiasa menjada amalan wajib dan menjauhi yang haram serta membanyakkan yang sunat dan meninggalkan yang makruh. Sekiranya ada pilihan, dia akan memilih yang mudah, sekiranya ada kelonggaran, dia memilih yang longgar. Dia menjadi contoh kepada anggota perubatan lain, para pembantu serta yang utamanya kepada pesakit dan keluarga mereka. Kita dihargai apabila pandangan kita diperlukan, tetapi sekiranya kita menyukar untuk dihubungi atau memarahi ketika dihubungi, maka sudah tentu kita tidak mahu mengeluarkan pandangan. Dan kita tidak lagi diraikan.

c. Dakwah interpersonal

Dakwah interpersonal dengan pesakit adalah sangat penting. Sebahagian dari pesakit perlu dibuat secara follow up khusus. Termasuk juga melawat kerumah pesakit apabila keadaan memerlukan dan kita sudah melengkapi diri untuk perkara ini. Harus diingat bahawa perkara ini adalah sangat sukar dan hanya orang yang mampu sahaja wajar melakukannya.

Seorang sahabat menjadi anak angkat satu keluarga non-muslim yang kaya dan berpelajaran. Dia boleh berdialog agama secara terbuka dengan mereka. Dan keluarga cina tersebut sangat menunjukkan minat kepada Islam dan tidak lagi prejudis seperti sebelumnya.

d. Dakwah rakan sekerja

Dakwah kepada rakan sekerja sangat penting. Terdapat dua teori jamaah yang harus dipertimbangkan iaitu eksklusif dan inklusif. Sekiranya jamaah ini dikawal terlalu eksklusif, maka jamaah akan kaku dan tidak bermaya. Jamaah tidak mampu berkembang dan ahli jamaah akan menjadi golongan elit. Inklusif yang keterlaluan juga merbahaya. Kerana ia boleh menyebabkan prinsip-prinsip *sirr* dan *hazar* terancam.

Oleh kerana itu eksklusif dan inklusif ini mesti disesuaikan dengan individu, keadaan dan masa. Kata-kata pengurus pasukan bola sepak: gol boleh diperolehi apabila adanya orang tepat, di posisi yang tepat dan masa yang tepat.

Yang kebiasaannya, di alam perkerjaan, seharusnya rakan sekerja memahami fahaman kita dan mereka menghormati fahaman tersebut. Tidak perlulah kita mengisytiharkan diri berada dalam jamaah sekian sekian, ataupun muncul di atas pentas-pentas ceramah sekian-sekian, ataupun berbahas dengan bos sekian-sekian. Cukuplah sekiranya pandangan kita mewakili pandangan Islam dan jamaah, kita boleh berkerja dengan condusif selaku seorang muslim dan dihormati, serta kita juga mempunyai masa untuk melakukan rutin-rutin asas ibadat, menuntut ilmu serta berjamaah. Kalaulah asas ini tidak dihormati, maka kita harus menyemak keadaan diri sendiri sebelum kita menyemak apa yang tidak kena pada orang yang tidak menghormati kita itu.

4. Halangan-halangan Dakwah

a. Keluarga

Halangan keluarga merupakan satu tragedi. Ia boleh memamatkan pergerakan dai'e tersebut serta membunuh kerja-kerja dakwah secara umumnya. Kenapakah ini berlaku?

i. Tersilap pilih pasangan

Baitul muslim merupakan cita-cita setiap individu yang memahami Islam. Islam tidak boleh



ditegakkan dalam Negara sebelum wujudnya unit-unit baitul muslim. Disebut oleh salah seorang bekas mursyidul am Ikhwan: *Dirikanlah Negara Islam dalam diri kamu sebelum kamu mendirikan Negara Islam di tempat kamu.*

Jadi untuk mewujudkan baitul-muslim ini memerlukan perancangan dan tidak boleh berlaku secara spontan seperti teori evolusi. Diantara perancangan yang penting adalah dengan memilih individu yang memahami gerak kerja dakwah sebagai pasangan. Terlalu banyak tragedi-tragedi ahli-ahli karam ditengah jalan dakwah kerana memilih pasangannya bukan kerana Allah dan Rasul.

ii. Anak-anak

Anak-anak juga merupakan fitnah kepada perjuangan dan dakwah ini. Dengan pengurusan anak-anak yang berteburan, ia boleh merencatkan kerja dakwah. Dalam hal ini banyak diceritakan tentang anak-anak terabai kerana ibu bapanya sibuk dengan kerja-kerja dakwah untuk orang lain sehingga melupakan dakwah kepada anak-anaknya sendiri.

Disebut oleh rasul yang mulia SAW: *Dilahirkan anak-anak itu dalam keadaan fitrah. Maka ibu bapanyalah yang menyahudikannya, atau menasranikannya atau memajusikannya.*

iii. Ibu bapa

Ibu bapa kerap juga menjadi penghalang kepada kerja-kerja dakwah. Tetapi biasanya ia bukanlah masalah yang besar bagi seorang pegawai perubatan atau kesihatan yang telah mempunyai kehidupan sendiri. Namun begitu sekiranya masih wujud masalah ini, maka anggota kesihatan itu lebih-lebih lagi kena menghisab diri mereka sendiri. Mungkin dia tidak cukup berbuat baik kepada orang tuanya seperti di arahkan didalam al Quran.

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ
وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ
الْمَصِيرُ

Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu-bapanya; ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusunya selama dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua orang ibu bapamu, hanya kepada-Kulah kamu kembali. (Lukman 14)

b. Kesibukan pekerjaan

i. Tugas rutin

Tugas rutin sebagai anggota perubatan dan paramedik adalah sangat membebankan. Terkadang bukan sahaja usaha dakwah yang tergendala, tetapi juga amalan-amalan wajib juga terancam. Tugas rutin juga memerlukan pengurusan masa yang sangat baik. Dengan pengurusan masa yang baik ini, kita boleh mengadakan ruang-ruang kosong khusus untuk berusrah, menuntut ilmu, membaca dan selainnya. Tugas on call khususnya mestilah disesuaikan supaya tidak tergadai masa usrah. Dan perkara ini mesti dirancang dari masa ke semasa setiap bulan.

Saya mencadangkan, demi untuk meraikan kesibukan sebahagian besar daripada anggota perubatan dan paramedic, supaya setiap aliran latar belakang tarbiah berlainan menubuhkan alumni masing-masing. Dengan alumni tersendiri ini unit unit gerakan akan diperkecilkan, dan penyelarasan kerja dapat dilakukan. Tambahan pula setiap alumni ini lebih mengenali anatara satu sama lain dan lebih prihatin kepada sahabat yang sudah lama makan satu talam dengannya. Sekiranya keciciran berlaku, ia agak mudah untuk dikesan semula berbanding dengan unit gerakan yang besar.

ii. Lokum

Lokum adalah usaha lebih anggota perubatan untuk membantu kewangan keluarga atau jamaah. Perkara ini digalakkan dalam keadaan yang terkawal. Iaitu pengurusan masa yang baik bagi memasti setiap anggota gerakan mempunyai masa bersama keluarga, usrah dan aktiviti khidmat secara sukarela. Jangalah pula usaha dan pendapatan yang lebih ini mengulangi kisah Tsa'labah yang terkenal itu.

c. Kurang komitmen

i. Kurang komitmen terhadap amalan wajib

Komitment dalam amalan wajib sangat penting. Sekiranya tiada komitmen dalam amalan wajib, bagaimana atau dengan apa anggota perubatan dan paramedik ini mahu berdakwah. Ingatlah amaran Allah dalam al Quran

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ (2)
كَبْرًا مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ (3)

Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu perbuat? Amat besar kebencian di sisi Allah bahwa kamu mengatakan apa-apa yang tiada kamu kerjakan (As Saf 2-3)

Dalam hal ini saya menasihatkan supaya anggota perubatan dan paramedik supaya bersolat di awal waktu kerana kecemasan tidak mengira masa. Kalau sekiranya kita tidak bersolat di awal waktu berkemungkinan kita tidak sempat untuk bersolat langsung.

ii. Kurang komitmen terhadap amalan sunnah

Amalan sunnah khususnya membaca Alquran dan mathurat adalah sangat penting. Ia akan bertindak sebagai immune system yang boleh menjaga individu daripada terjebak ke lembah kehancuran. Teringat seorang pakar bedah yang saya kagumi, di samping menjadi pakar bedah, beliau sentiasa membaca al Quran yang dihafaznya semasa melakukan pembedahan. Secara tidak langsung ini juga adalah suatu dakwah kepada orang lain disekeliling. Tetapi seharusnya diingat supaya tingkah laku dan performance mestilah setara dengan amalan sunnah sebegini.

iii. Kurang komitmen terhadap pekerjaan

Komitment terhadap pekerjaan adalah sangat penting. Sekiranya seseorang anggota perubatan tidak minat dengan keadaan pekerjaannya yang sentiasa memerlukan komitmen yang lebih, mereka awal-awal lagi tidak perlu memasuki

bidang yang penuh dengan kecemasan ini. Apabila menjejaki bidang ini, mahu atau benci, menjadi kewajiban bagi mereka untuk terus iltizam dalam bidang kritikal ini. Apabila berada dalam bidang ini, sudah menjadi fardu a'in bagi dirinya untuk komitted membantu pesakit. Dan sudah tentulah dengan komitmen ini juga merupakan satu dakwah kepada pesakit.

d. Konflik rakan sekerja

i. Konflik dengan rakan sejemaah

Alhamdulillah sepanjang pengamatan saya, konflik sebegini tidak berlaku bagi ahli jamaah dalam bidang ini. Kejayaan menggabungkan anggota jamaah dari pelbagai latar belakang tarbiah merupakan antara kejayaan Papima. Bahkan masing-masing saling lengkap melengkapi satu sama lain dalam membantu dakwah dan gerakan.

ii. Konflik dengan rakan berlainan jamaah tetapi bercita-cita islam

Rakan-rakan yang bercita-cita Islam samada yang berada dalam jamaah Islam atau bersendirian mesti dilayan sebagai rakan yang mempunyai pandangan berbeza. Dalam hal ini perbezaan seharusnya di kebelakangkan dan sebaliknya persamaan antara kita dan mereka yang kita tekankan. Banyak persamaan-persamaan yang boleh kita utarakan. Antaranya adalah kebersamaan kita menentang kezaliman, kebersamaan kita membantu orang sakit, orang miskin dan orang ditimpa bencana, kebersamaan kita menentang bidaah, tahyul dan maksiat, kebersamaan kita menghadapi gejala murtad dsb. Perkara-perkara sebegini yang kita sepakat bersama mesti ditekankan.

Terkadang ada yang keras dalam satu isu dan lembut pula mereka dalam isu yang lain. Sebagai contohnya saya pernah ditanya oleh pelajar tentang masalah menegur secara terbuka atau tertutup. Perkara ini mestilah mengikut siyash syariyyah dan awlawiyyat semasa. Janganlah konflik kita berterusan sampai menggagalkan agenda dakwah yang lebih besar itu.

iii. Konflik dengan rakan yang secular

Rakan-rakan sekerja yang secular juga kadang-kadang melambatkan usaha dakwah kita. Pada orang sedemikan, kita kembali kepada persetujuan asal kita bahawa kehidupan dan kematian kita bukan milik kita tetapi milik pencipta kita. Jadi mahu tak mahu kita akan menjadi sejarah dan mesti menghadapi pencipta kita selepas kematian. Jadi semua kerja buat yang kita lakukan seharusnya dalam persediaan menghadapi pencipta ini termasuk lebih-lebih lagi dakwah kepada pesakit. Jadi dalam hal ini biasanya kecemerlangan kita melakukan tugas rutin akan menghentikan kritikan mereka yang secular ini.

iv. Konflik dengan rakan belum Islam

Rakan yang belum Islam seharusnya menjadi target dakwah kita dan tidak seharusnya berkonflik dengan mereka. Firman Allah;

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk. (An Nahl 125)

Kita juga mementingkan persamaan kita dengan mereka sebagaimana dikehendaki Allah;

Katakanlah: "Hai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahwa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebagian kita menjadikan sebagian yang lain sebagai tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah, bahwa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)" (Al Imran 64)

e. Penyakit-penyakit hati

i. U'jub

Ujub atau ta'ajub bil nafsi merupakan perasaan kagum kepada diri sendiri yang menjadi musuh kepada dakwah. Kagum kepada kebijakan atau pendapat sendiri sehinggakan kita tidak lagi mahu mendengar pandangan kedua. Kita sangkakan pandangan kita yang terbaik sedangkan itu bukan yang terbaik. Kita menutup telinga daripada mendengar teguran dan kritikan orang lain.

ii. Angkuh dan Sombong

Angkuh dan sombong merupakan beban kepada dakwah. Banyak orang boleh berendah diri semasa bergelar mahasiswa tetapi mula naik kepala apabila mendapat ijazah dan pekerjaan yang stabil. Mereka sangat angkuh dengan gelaran yang dipegang sehinggakan tidak lagi mahu menuntut ilmu kerana disangka dia sudah memiliki ilmu yang cukup. Kakitangan bawahan sangat takut menegur kerana beliau sahaja yang betul. Ibu bapa dan guru-guru sudah tidak dihiaraukan lagi kerana saya sudah bergelar doctor. Siapa lagi yang boleh menegur mereka ini?

iii. Boros

Alam mahasiswa adalah penuh dengan jimat cermat serta perbelanjaan yang berhemah. Tetapi apabila mereka sudah mempunyai gaji yang banyak, mereka sudah tidak tahu untuk berjimat cermat. Mereka boros. Mereka membelanjakan kepada perkara yang tidak perlu. Mereka menghabiskan gaji setiap bulan untuk bulan itu sahaja. Mereka tidak tahu melabur atau membeli harta jangka panjang. Mereka melancung setiap bulan, makan di fast food selang sehari, tidak menderma untuk hari mati.

iv. Bermewah-mewah

Bermewah mewah walaupun mereka mampu, sebenarnya tidak baik juga untuk dakwah dalam banyak hal. Kerana majority mad'u mereka adalah golongan miskin dan tidak berkemampuan. Keadaan yang mewah ini boleh menyebabkan madu' sedemikian menjauhkan diri. Apatah lagi kalau di campur dengan perasaan sombong dan angkuh itu. Hal ini mungkin boleh dibincangkan sekiranya skop dakwahnya kepada orang yang mewah juga.

5. Harapan Jemaah kepada Ahli Perubatan dan Paramedik

Jemaah sama sekali tidak mengharapkan semua orang berada di medan juang atau pentas politik. Jemaah bukanlah merencanakan ahli-ahli para medik akan menjadi ustaz untuk menyampaikan khutbah dan kuliah di masjid. Bahkan sebahagian daripadanya perlu untuk membuat

kerja-kerja penyediaan prasarana yang sesuai supaya jemaah khususnya dan Islam umumnya akan berada di atas. Firman Allah;

Tidakkah kamu perhatikan orang-orang yang dikatakan kepada mereka: "Tahanlah tanganmu (dari berperang), dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat!" Setelah diwajibkan kepada mereka berperang, tiba-tiba sebahagian dari mereka (golongan munafik) takut kepada manusia (musuh), seperti takutnya kepada Allah, bahkan lebih sangat dari itu takutnya. Mereka berkata: "Ya Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan berperang kepada kami? Mengapa tidak Engkau tangguhkan (kewajiban berperang) kepada kami beberapa waktu lagi?" Katakanlah: "Kesenangan di dunia ini hanya sebentar dan akhirat itu lebih baik untuk orang-orang yang bertakwa dan kamu tidak akan dianiaya sedikit pun. (An Nisa' 77)

a. Cemerlang dalam bidang masing-masing

Menjadi kewajiban kepada ahli jaah dalam bidang perubatan dan kesihatan ini untuk cemerlang dalam bidang masing-masing. Sepatutnya orang yang terlibat dalam gerakan Islam lebih cemerlang daripada orang lain. Bahkan mereka juga mesti setara aktiviti jemaah dan pekerjaan seharian mereka. Adalah mirip kepada fahaman sekularisma, sekiranya menganggap kerja untuk kerja untuk jemaah mesti dilakukan dengan cemerlang tetapi kerja untuk menyelamatkan pesakit boleh dilakukan sambil lewa.

b. Berupaya mengendalikan program khidmat

Program khidmat khususnya khidmat kesihatan, berkhatan dan bantuan bagi orang kurang upaya merupakan pengkhususan ahli perubatan dan paramedic. Menjadi satu kecacatan sekiranya anggota gerakan tidak mampu mengatur program khidmat sebegini bagi pihak jemaah. Program sebegini menampakkan kemesraan dakwah serta keprihatinan kita kepada orang-orang yang kurang bernasib baik.



Sumbangan tenaga dan harta demi meninggikan kalimah Allah di muka bumi ini

c. Infak

Menginfakkan sebahagian pendapatan untuk kepentingan dakwah dan Islam merupakan satu keperluan. Tambahan pula pendapat bagi anggota perubatan dan paramedic lebih daripada pendapatan orang awam. Saya tertarik dengan satu alumni sebuah universiti yang membelanjakan kadar yang cukup tinggi iaitu 5% sebagai derma bulanan bagi gerakan. Ini adalah contoh teladan yang sangat besar. Ingatlah harta kamu bukanlah yang kamu telah makan atau gunakan, tetapi apa yang kamu simpan untuk hari esok.

d. Membantu pembuatan polisi

Banyak polisi kesihatan tidak difahami oleh sebahagian besar anggota jemaah umum. Ambil contoh peristiwa pembunuhan ayam itik disebabkan selsema burung mendapat bantahan tidak sedikit ahli jemaah. Jadi pembuatan polisi sebegini memerlukan pandangan daripada ahli dalam bidang ini.

e. Menjadi tangan dan lidah Islam menghadapi musuh

Di antara perkara penting bagi anggota perubatan dan paramedic jemaah adalah mewujudkan suasana kondusif untuk dialog dengan musuh. Perkara sebegini tidak boleh

diserahkan kepada ustaz atau tuan guru kerana imej mereka dipandang serong oleh potential mad'u ini. Jadi imej professional, terbuka dan boleh berbahasa penjajah sangat penting bagi menghadapi musuh yang tidak pernah berhenti menyerang islam itu.

Kita menggunakan tangan untuk menulis bagi mempertahankan islam di ruang cyber atau dalam akhbar. Kita berucap dan berdialog mempertahankan Islam di forum umum. Perkara sebegini lebih-lebih penting lagi bagi muslimat yang kerap mendapat 'pembelaan' yang tidak diperlukan oleh kumpulan feminis itu.

6. Penutup

Perjuangan dan dakwah bagi anggota perubatan dan paramedic sebenarnya berbeza daripada skop dakwah dalam kumpulan lain. Keadaan mad'u yang datang sendiri kepada dai'e serta persediaan mad'u untuk menerima nasihat dai'e merupakan keuntungan yang nyata dalam bidang ini. Sekiranya keuntungan ini tidak diambil, maka ia mungkin akan terlepas dengan berlalunya masa.

Akhirnya, kertas yang panjang ini dan segala apa yang dicerekkkan dalam kertas ini sebenarnya merupakan pandangan dan pemerhatian individu. Sudah tentulah banyak kelemahan, kesilapan atau keciciran dalam mana-mana bahagian. Kerana itu disusun sepuluh jari memohon kemaafan sekiranya ada yang salah atau silap.

Kota Bharu 12hb Jan 2007